

# Pusat Islam UMS beroperasi Mac depan

Oleh SURAIDAH ROSLAN

UB 6.12.2017 A4  
KOTA KINABALU: Pusat Islam Universiti Malaysia Sabah (UMS) dijangka mula beroperasi pada Mac depan, kata Pengarah Pusat Islam Prof Madya Dr Muhamad Suhaimi Taat.


Beliau berkata pusat yang dibina dengan kos RM5 juta itu dijadualkan siap pada bulan ini namun disebabkan faktor tertentu, proses pembinaannya mengalami sedikit kelewatan.

Oleh itu, ia hanya akan beroperasi bermula Mac 2018. Pusat ini akan dilengkapi dengan dua bilik seminar, dua bilik kuliah, bilik pameran serta pejabat pentadbiran Pusat Islam.

Menurutnya apabila pusat itu siap, ia membolehkan pusat berkenaan melaksanakan aktiviti dengan lebih terancang.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai perkembangan terkini pembinaan Pusat Islam berkenaan semasa Sambutan Maulidur Rasul UMS 2017, di sini pada Selasa.

Sementara itu, Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin mengingatkan warga UMS supaya sentiasa memupuk



(Gambar atas) **RASID** (tengah) menyampaikan hadiah kepada wakil Johan Perarakan Maulidur Rasul UMS, sambil diperhatikan oleh Muhamad Suhaimi (kanan).

(Gambar kiri) **RASID** (tengah) menyampaikan cenderamata kepada Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) cawangan Sabah Mat Radzi Mat Ali selaku penceramah jemputan.

dan membudayakan nilai murni yang membawa kepada perpaduan.

“Jika kita berpecah-belah dan bersengketa, ia hanya akan membawa kepada kerosakan terhadap segala perancangan diri, universiti dan meruntuhkan binaan ummah,” katanya dalam teks ucapan perasmian yang disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) Prof Dr Rasid Mail.

Kamarudin berkata UMS akan terus memperkasa

um mah melalui kecemerlangan akademik serta aktiviti penyelidikan dan inovasi.

Dalam sambutan berkenaan Fakulti Sains dan Sumber Alam dinobatkan sebagai juara kontinjen perarakan Maulidur Rasul. Manakala Perpustakaan UMS dan Fakulti Ekonomi, Perniagaan dan Perakaunan masing-masing memenangi tempat kedua dan ketiga.

Sambutan berkenaan disertai seramai 500 orang peserta yang mewakili 17 buah kontinjen.



**ANTARA** kontinjen yang menyertai perarakan sempena sambutan Maulidur Rasul UMS.